



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE LAW OF OUT-OF-MARRIAGE CHILDREN TO
BECOME PRAYER PRIESTS]**

HUKUM ANAK LUAR NIKAH MENJADI IMAM SOLAT

ZULKIFLI MOHD¹
ENGKU MUHAMMAD TAJUDDIN ENGKU ALI^{1*}
JAMALLUDDIN HASHIM¹
ASIAH BIDIN²

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

² Fakulti Undang-undangan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

*Corresponding author: emtajuddin@unisza.edu.my

Received Date: 9 Mei 2018 • Accepted Date: 9 Sept 2018

Abstract

The position and status of illegitimate children have often become a discussion in society, including associating the legality of their acts, especially in the matter of worship. This article aims to explain the Islamic views on the status of an illegitimate child and the legality of congregational prayer led by them. Some writings and fatwas issued by authorities at the national and international level were analyzed. The results showed that an illegitimate child must be respected and treated as an independent human being. However, his status cannot be attributed to his biological father. The jurists also have consensus opinion that an illegitimate child can become an imam in a prayer if all the conditions and criteria have been met and if there is no other person who is eligible to lead the prayer. However, they have different views in situations where there is an illegitimate child with the other persons who is eligible to become an imam. Based on a comparative analysis on the jurists' arguments, it is concluded that the opinion to allow the illegitimate child to become an imam is stronger and more suitable to be followed in the current society.

Keywords: *Child Out of Wedlock, Illegitimate Child, Imam, Congregational Prayer, Biological Father*

Abstrak

Kedudukan dan status anak luar nikah sering menjadi perbincangan dalam masyarakat termasuk mengaitkan kesahan tindakan mereka khususnya dalam perkara ibadat. Artikel ini bertujuan menghuraikan pandangan Islam terhadap status anak luar nikah dan hukum anak luar nikah menjadi imam solat berjemaah. Beberapa penulisan serta fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa fatwa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dirujuk dan dianalisis. Hasil kajian menunjukkan anak luar nikah tidak sah tarafnya dan tidak boleh dibinkan kepada bapa biologinya. Meskipun begitu, status mereka sebagai seorang manusia yang merdeka perlu

dihormati dan dilayan sebagaimana manusia biasa. Para fuqaha juga telah sepakat mengharuskan anak luar nikah menjadi imam dalam sembahyang jika syarat dan kriteria seorang imam dapat dipenuhi serta sekiranya tiada orang lain yang sah tarafnya yang layak dan boleh menjadi imam. Jika ada bersama anak luar nikah tersebut orang lain yang sah tarafnya yang layak dan boleh menjadi imam, para fuqaha telah berbeza pendapat mengenai keharusan anak luar nikah menjadi imam. Hasil daripada perbandingan antara pendapat-pendapat fuqaha terdahulu, pendapat yang mengharuskannya lebih kuat dan lebih sesuai untuk diterima pakai dalam suasana semasa dan realiti masyarakat pada hari ini.

Kata kunci: Anak Luar Nikah, Anak Tidak Sah Taraf, Imam, Solat berjemaah, Bapa Biologi

Cite as: Zulkifli Mohd, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Jamalluddin Hashim & Asiah Bidin. 2018. Hukum Anak Luar Nikah Menjadi Imam Solat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 18(1): 33-41

PENGENALAN

Isu anak luar nikah atau anak zina (anak tidak sah taraf) merupakan salah satu isu yang menjadi fenomena sosial masa kini dalam masyarakat di Malaysia. Isu ini hangat diperkatakan dalam media massa pada hari ini. Peningkatan bilangan pendaftaran anak tidak sah taraf menjadikan fenomena ini amat membimbangkan. Menurut laporan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), dari tahun 2013 hingga 2015 jumlah anak tidak sah taraf yang didaftarkan di seluruh Negara adalah seramai 159,725 orang. Menurut JPN, pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf tersebut hanya melibatkan wanita Islam, kerana tiada status sedemikian untuk orang bukan Islam (Sophia Ahmad, 2016).

Menurut laporan terkini JPN dari tahun 2005 hingga 2015, sebanyak 532,158 kelahiran anak tidak sah taraf atau anak luar nikah telah didaftarkan di seluruh Negara (Bernama.com, 2017). Angka ini menunjukkan bahawa secara purata 53,215 orang anak tidak sah taraf dilahirkan setiap tahun, 4,434 orang bagi setiap bulan, 147 orang bagi setiap hari dan enam orang bagi setiap jam.

Statistik yang dikeluarkan oleh pihak JPN ini dijangka lebih tinggi jika mengambil kira kes yang membabitkan pengguguran haram atau pembuangan bayi yang dipaparkan melalui pelbagai media massa tetapi tidak direkodkan (Hasliza Hassan, 2013).

Isu ini telah mengundang pelbagai respon dan pandangan daripada pelbagai pihak. Terdapat pihak yang berpandangan negatif, malah memandang hina terhadap anak-anak yang dilahirkan tanpa mempunyai bapa yang sah ini. Soalannya apakah status atau kedudukan sebenar anak luar nikah menurut perspektif syarak?

Justeru, artikel ini ditulis bertujuan menjelaskan status dan kedudukan anak luar nikah menurut perspektif syarak, secara khususnya hukum anak luar nikah menjadi imam solat. Bagi menyempurnakan objektif ini, beberapa penulisan dan kajian yang dilakukan oleh para pengkaji masa kini dan fatwa-fatwa berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa fatwa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dirujuk dan dianalisis bagi menjelaskan isu yang cuba diketengahkan dalam artikel ini.

DEFINISI ANAK LUAR NIKAH

Anak luar nikah atau anak zina (Bahasa Arab: Walad al-Zina), dan lebih dikenali masa kini dengan istilah anak tidak sah taraf merupakan anak yang dilahirkan oleh seorang ibu tidak melalui jalan syarak atau anak hasil hubungan yang haram (Wahbah al-Zuhayli, dalam Husain, 2008).

Menurut Ensiklopedia Fiqh yang diterbitkan oleh Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, anak tidak sah taraf ialah anak yang dilahirkan oleh seorang ibu hasil daripada perbuatan zina dan bukan melalui hubungan perkahwinan yang sah (al-Mausu'ah, 2006).

Manakala menurut Syeikh Jum'ah Barraaj (Husain, 2008) anak tidak sah taraf ialah anak yang terhasil daripada hubungan antara lelaki dan perempuan tidak melalui perkahwinan yang sah atau bukan melalui persetubuhan secara milk al-yamin (persetubuhan antara hamba perempuan dengan tuannya).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah memutuskan bahawa anak tidak sah taraf adalah anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan, atau anak yang dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut takwim qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh) (<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/anak-tak-sah-taraf>).

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan ini, anak luar nikah atau anak tidak sah taraf ialah anak yang dilahirkan oleh seseorang perempuan hasil persetubuhan haram antara perempuan tersebut dengan lelaki yang tidak mempunyai hubungan perkahwinan yang sah dengannya, atau tidak melalui jalan milk al-yamin, dan tidak melalui waṭ'i (persetubuhan) syubhah. Definisi ini mengeluarkan anak-anak dalam kategori berikut daripada status anak tidak sah taraf:

1. Anak yang dilahirkan oleh seorang perempuan hasil daripada persetubuhan dengan suaminya yang sah.
2. Anak yang dilahirkan oleh seorang hamba perempuan (milk al-yamin) hasil daripada persetubuhan dengan tuannya, kerana anak tersebut adalah anak yang sah taraf dan dinasabkan kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya itu.
3. Anak yang dilahirkan oleh seorang perempuan hasil daripada persetubuhan syubhah, kerana anak tersebut juga adalah anak yang sah taraf dan dinasabkan kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya secara syubhah itu.

STATUS DAN KEDUDUKAN ANAK LUAR NIKAH

Setiap anak yang dilahirkan sama ada sah taraf atau tidak sah taraf adalah anugerah Allah kepada bangsa manusia. Anak-anak ini dilahirkan dalam keadaan suci bersih (fitrah) tidak menanggung dosa yang dilakukan oleh sesiapaupun hatta kedua ibu bapanya. Sabda Nabi SAW:

ما من مولود يولد على الفطرة، فأبواه يهودانه وينصرانه ويمجسانه

Terjemahan: “Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi ...” (Muslim, 2006: 2658)

Oleh itu, anak luar nikah atau anak tidak sah taraf tidak menanggung dosa ibu yang melahirkannya, tidak juga menanggung dosa bapa biologi yang menyetubuhi ibunya secara haram sehingga melahirkannya. Bagaimana mungkin anak tersebut dibebankan dengan dosa mereka yang menyebabkan kelahirannya, sedangkan semasa perbuatan haram atau zina yang dilakukan oleh ibu dan bapa biologi tersebut dia belum dilahirkan ke dunia lagi? Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya. Dan seseorang yang boleh memikul (mukallaf) itu tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain”.

(al-An’am, 6: 164)

Berdasarkan hadith dan ayat al-Quran di atas, anak luar nikah walaupun tidak sah tarafnya, namun kedudukan mereka menurut pandangan Islam adalah sama seperti anak-anak lain yang sah tarafnya. Anak tidak sah taraf mempunyai hak yang sama untuk hidup sebagaimana manusia biasa seperti yang dimiliki oleh anak-anak yang sah taraf. Perkara yang membezakannya hanya status nasabnya yang tidak boleh dinisbahkan (dibinkan) kepada lelaki (bapa biologi) yang menyebabkan kelahirannya dan beberapa hukum lain yang sedikit berbeza seperti pesaka, perwalian dan seumpamanya yang membezakan anak tidak sah taraf dengan anak-anak lain yang sah taraf.

Sehubungan dengan status anak luar nikah ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia menyatakan:

1. Perempuan yang mengandung anak luar nikah harus dinikahkan tetapi anaknya tidak boleh dinasabkan kepada lelaki itu, tidak dapat pusaka daripadanya, tidak menjadi mahram kepadanya dan lelaki itu tidak boleh menjadi walinya.
2. Anak zina atau anak luarnikah (anak tak sah taraf) sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah.
3. Segala nafkah dan saraan hidup anak tak sah taraf adalah menjadi tanggungjawab ke atas ibunya. Ini adalah kerana anak tak sah taraf dinasabkan kepada ibunya dan tidak kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya (Abdul Majid Omar, 2013).

Kesimpulannya, anak tidak sah taraf diiktiraf oleh Islam malah mempunyai kedudukannya tersendiri dari segi kehormatannya sebagai seorang manusia. Keberadaannya dalam masyarakat tidak boleh disisihkan dan tidak wajar dipandang hina oleh sesiapaupun. Haknya untuk hidup sebagai seorang manusia biasa dan mempunyai potensi untuk dibangunkan dalam masyarakat

perlu dihormati dan dihargai.

Rasulullah SAW sendiri memberi pengiktirafan kepada anak tidak sah taraf ini. Buktinya ialah Rasulullah SAW ketika datang seorang perempuan al-Ghāmidīyyah yang sedang mengandung anak luar nikah membuat pengakuan di depan baginda bahawa beliau telah berzina dan meminta baginda menjatuhkan hukuman had ke atasnya, baginda menyuruh perempuan tersebut pulang ke rumahnya sehinggalah dia melahirkan anak tersebut. Setelah anak itu mencapai usia 2 tahun lebih, Rasulullah SAW memerintah supaya anak tersebut diserahkan kepada salah seorang lelaki dalam kalangan keluarga perempuan tersebut untuk dipelihara. Selepas itu barulah Rasulullah SAW memerintahkan pelaksanaan hukuman had ke atas perempuan al-Ghāmidīyyah yang telah melahirkan anak luar nikah tersebut. (Husain, 2008).

Umar al-Khattab, yang terkenal sikap tegasnya dalam menegakkan hukum Allah, pernah berwasiat supaya anak-anak luar nikah itu diperlakukan dengan sebaiknya (Husain, 2008).

Berdasarkan dua kisah di atas, sewajarnya masyarakat Islam hari ini tidak memandang hina kepada anak luar nikah. Bahkan sewajarnya mereka ini diberi peluang untuk hidup dalam masyarakat dengan segala potensi yang ada pada mereka untuk mendapat hak sebagai salah seorang warga yang boleh dimanfaatkan dalam masyarakat. Ini kerana kemuliaan seseorang tidak terletak pada bangsa, nasab atau keturunannya, tetapi berdasarkan kepada keimanan dan ketakwaan yang ada pada dirinya. Asas inilah yang telah dinyatakan oleh firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai manusia! Sesungguhnya Kami (Allah) menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu saling berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya”.

(al-Hujurat, 49: 13)

HUKUM ANAK LUAR NIKAH MENJADI IMAM

Secara umumnya, para fuqaha' sepakat mengatakan bahawa anak luar nikah atau anak tidak sah taraf layak dan sah menjadi imam sekiranya tiada orang lain yang sah tarafnya yang mampu dan layak untuk menjadi imam (Husain, 2008). Para fuqaha' daripada pelbagai mazhab sepakat mengatakan syarat-syarat sah seseorang menjadi imam ialah (al-Mausu'ah, 2006):

1. Islam
2. Berakal
3. Baligh
4. Lelaki sejati
5. Berkemampuan membaca bacaan-bacaan yang diwajibkan dalam solat
6. Berkemampuan menyempurnakan rukun dan syarat sah solat
7. Suci daripada hadas dan kotoran
8. Tidak menjadi makmum kepada imam yang lain

Di samping itu terdapat beberapa kriteria dari sudut keutamaan yang perlu diberi perhatian dalam memilih dan melantik seseorang imam, antaranya:

1. Sifat adil
2. Mendapat persetujuan jemaah yang menjadi makmum
3. Orang yang terbaik bacaannya
4. Orang yang terlebih alim atau faqih
5. Orang yang lebih berusia dan dihormati dalam masyarakat
6. Orang yang lebih warak

Kriteria-kriteria keutamaan pelantikan imam ini adalah berpandukan kepada hadith Nabi SAW:

يوم القوم أقرؤهم لكتاب الله فإن كانوا في القراءة سواء فأعلمهم بالسنة فإن كانوا السنة سواء فأقدمهم هجرة فإن كانوا في الهجرة سواء فأقدمهم سلماً، وفي رواية - سنا - ولا يومن الرجل في سلطانه ولا يقعد في بيته على تكرمته إلا بإذنه

Terjemahan: “Yang (lebih berhak) menjadi imam bagi sesuatu kaum adalah yang terlebih baik bacaan al-Qurannya. Jika mereka sama baik bacaannya, maka yang paling berilmu tentang sunnah. Jika mereka sama berilmu tentang sunnah, maka yang terdahulu berhijrah. Jika mereka sama berhijrah, maka yang terdahulu masuk Islam (di dalam riwayat lain: yang paling tua umurnya). Dan janganlah seorang lelaki itu menjadi imam di dalam wilayah kekuasaan lelaki lain, dan janganlah dia duduk di atas tempat duduk khusus di dalam rumah lelaki tersebut, kecuali dengan izinnya”

(Muslim, 2006: 2373)

Namun begitu, para fuqaha berbeza pendapat sekiranya ada bersama anak luar nikah tersebut orang lain yang sah tarafnya yang layak menjadi imam (Husain, 2008; al-Mausu’ah, 2006):

Pendapat Pertama: Mazhab Hanbali; harus dan tidak makruh. Ini sekiranya anak luar nikah tersebut memenuhi syarat dan kriteria seorang imam, baik agamanya dan dipersetujui oleh para jemaah. Hujah mereka:

1. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh setiap orang melainkan orang itu sahaja yang menanggung dosanya. Dan seseorang yang boleh memikul tanggungjawab (mukallaf) itu tidak akan menanggung dosa perbuatan orang lain”.

(Al-An’am, 6: 164)

Firman Allah yang bermaksud:

“Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya)”.

(al-Hujurat, 49: 13)

2. Umum hadith:

يوم القوم أقروهم لكتاب الله الحديث

Terjemahan: “Yang (lebih berhak) menjadi imam kepada sesuatu kaum itu adalah yang terbaik bacaan al-Qurannya”.

(Muslim, 2006: 2373)

Hadith ini meletakkan asas keutamaan pemilihan seseorang imam adalah keutamaan dari sudut ilmu dan agama, bukan keutamaan dari sudut keturunan.

3. Hadith Aisyah r.a.:

ليس على ولد الزنى من وزر أبويه شيء ولا تزر وازرة وزر أخره

Terjemahan: “Anak zina tidak menanggung dosa perbuatan kedua ibu bapanya, dan seseorang yang boleh memikul tanggungjawab (mukallaf) itu tidak akan menanggung dosa perbuatan orang lain”.

(al-Hakim, 2002: 4/7053)

4. Anak luar nikah adalah seorang manusia yang merdeka dan jika agamanya baik dan diredhai adalah layak menjadi imam seperti anak-anak lain yang sah tarafnya.

Pendapat Kedua: Mazhab Hanafi dan sebahagian daripada fuqaha' Mazhab Shafi'i; harus tetapi makruh. Hujah golongan ini:

1. Asas pertimbangan dalam pelaksanaan solat adalah ilmu pengetahuan. Kebiasaannya anak luar nikah tidak mempunyai asas ilmu yang ampuh kerana ketiadaan orang (bapa yang sah) yang bertanggungjawab mendidik dan mengajarnya ilmu-ilmu agama.

2. Pemilihan dan perlantikan imam merupakan satu amanah yang besar. Sekiranya anak luar nikah dipilih dan dilantik sebagai imam, ia boleh mengundang kebencian dalam kalangan para jemaah, sekali gus akan menyebabkan berkurangnya ahli jemaah yang mendirikan dan menegakkan salah satu syiar Islam yang mulia iaitu solat jemaah.

Pendapat Ketiga: Mazhab Maliki dan pendapat Imam al-Shāfi'i; makruh jika anak luar nikah dilantik secara rasmi sebagai imam tetap. Namun jika anak luar nikah itu menjadi imam ketika ketiadaan imam tetap, maka hukumnya adalah harus dan tidak makruh. Dalam hal ini Imam al-Shāfi'i mengatakan:

“Aku tidak suka sekiranya dilantik imam ratib dari kalangan orang yang tidak diketahui bapanya, kerana kedudukan imam adalah satu kedudukan yang mulia. Walau bagaimanapun sekiranya seseorang solat beimamkan anak luar nikah, maka solatnya itu sah dan memadai”.

(al-Shafi'i, 2001)

Pendapat ketiga ini didasarkan kepada kedudukan seorang imam yang dipandang tinggi dan mulia dalam masyarakat. Sekiranya dilantik imam dari kalangan mereka yang tidak mempunyai bapa yang sah (anak luar nikah), ia boleh mengundang cemuhan oleh masyarakat. Justeru, seseorang yang mempunyai kekurangan sebegini tidak sewajarnya atau makruh dilantik untuk menjadi imam yang mempunyai kedudukannya yang tinggi dan mulia di mata masyarakat (Husain, 2008).

Setelah meneliti pendapat para fuqaha' berhubung hukum anak luar nikah menjadi imam, penulis lebih cenderung untuk menerima pakai pendapat pertama yang mengharuskan perlantikan anak luar nikah sebagai imam apabila syarat dan kriteria seorang imam ada pada dirinya dan para jemaah bersetuju dengan perlantikan tersebut. Asas pertimbangan pemilihan ini adalah berdasarkan kekuatan hujah yang dikemukakan oleh mereka. Manakala pendapat kedua dan ketiga, hujah mereka agak longgar dan boleh dipertikaikan, sementelah pula realiti semasa dan keadaan masyarakat Islam masa kini yang dilingkungi oleh pelbagai fitnah dan kerosakan menambah sulit lagi pencarian seorang imam yang bebas dan terlepas daripada sebarang kekurangan terutamanya yang melibatkan soal kemuliaan dari sudut keturunan.

PENUTUP

Hasil daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa, anak luar nikah tidak mempunyai sebarang kaitan dengan perbuatan silam yang dilakukan oleh ibu dan bapa biologinya sehingga layak untuk menerima cemuhan dan cacian daripada masyarakat. Perbezaan anak luar nikah dengan anak-anak lain yang sah taraf ialah dari sudut nasabnya yang tidak boleh dinisbahkan atau dibinkan kepada bapa biologi yang menjadi punca kelahirannya. Namun perbezaan ini tidak sampai menafikan haknya untuk hidup sebagai seorang manusia biasa yang mesti dilayan dan dihormati sebagai salah seorang warga dalam masyarakat.

Anak luar nikah jika diberi peluang dan dididik dengan baik mempunyai potensi untuk menjadi warga yang baik dan memberi manfaat kepada pembangunan sumber manusia kepada agama, masyarakat dan Negara. Anak luar nikah layak dan sah menjadi imam sekiranya memenuhi syarat dan kriteria kelayakan seorang imam, baik agamanya dan dipersetujui oleh jemaah. Menjadi tanggungjawab semua pihak yang berkepentingan untuk menyedarkan masyarakat daripada perspektif negatif terhadap anak luar nikah.

RUJUKAN

Al-Quran.

Abdul Majid Omar. (2013). Kedudukan Anak Tak Sah Taraf: Dari Aspek Pandangan Syarak, Nasab dan Pewarisan Serta Kekeluargaan Islam. http://www.islam.gov.my/sites/default/files/jakim-anak_tak_sah_taraf.pdf. Diakses pada 1 Februari 2014.

Al-Hakim, Abu ‘Abdillah Muhammad bin ‘Abdullah. (2002). *al-Mustadrak* „ala al-Sahihain. (Tahqiq:

Mustafa ‘Abd al-Qadir ‘Ata). Cet. 2. Juzuk 4. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Bernama.com. (2017). JPN Daftar Lebih Setengah Juta Anak Tidak Sah Taraf. 3 Mac 2017. <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/ge/newsgeneral.php?id=1300959>. Diakses pada 3 Mac 2017.

Hasliza Hassan. (2013). Nasab Anak Tak Sah Taraf. Berita Harian Online. 21 Mac 2013. <http://www.bharian.com.my/articles/Nasabanaktaksahtaraf/Article/>. Diakses pada 1 Februari 2014.

Husain, Ahmad ‘Abd al-Majid Muḥammad Mahmud. (2008). *Ahkam Walad al-Zina fi al-Fiqh al-Islami*. Tesis Sarjana dikemukakan kepada Qism al-Fiqh wa al-Tashri’, Kulliyah al-Dirasat al-‘Ulya, An Najah National University, Nablus, Palestin.

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/anak-tak-sah-taraf>. Diakses pada 1 Februari 2014. Al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah. (2006). Juzuk 1 & 45. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu’un al-Islamiyyah.

Muslim bin al-Hajjaj. (2006). *Sahih Muslim*. al-Riyad: Dar Tayyibah.

Al-Shafi’i, Muhammad bin Idris. (2001). *Al-Umm*. (Tahqiq: Rif’at Fauzi ‘Abd al-Muttalib). Kaherah: Dar al-Wafa’.

Sofia Ahmad. (2016). 159,725 Anak Tidak Sah Taraf Didaftar Sejak 2013: JPN. Berita Harian Online. 13 September 2016. <http://www.bharian.com.my/node/192319>. Diakses pada 3 Mac 2017.